

D708

B B970 AAB
MAHATHIR - ULASAN R R R R R R

KUALA LUMPUR, 25 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PRESIDEN UMNO MALAM INI MENGAJAK ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SUPAYA BERSATU SEMULA DEMI UNTUK KEPENTINGAN BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

KATANYA, TUGAS PERTAMA BELIAU SETELAH SELESAI PERHIMPUNAN AGUNG PARTI KALI INI IALAH MEMASTIKAN PENTADBIRAN PARTI DAN NEGARA BERJALAN DENGAN LICIN DAN SEMPURNA.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PEKARANGAN SERI PERDANA, KEDIAMAN RASMI BELIAU, DI SINI, PERDANA MENTERI MENYATAKAN RASA GEMBIRA BELIAU KERANA PEMILIHAN PARTI ITU BERJALAN DENGAN SEMPURNA DAN TIDAK BERLAKU SESUATU YANG TIDAK DIINGINI.

+SAYA BERPENDAPAT PARA PERWAKILAN ADALAH MATANG DAN TELAH MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DENGAN BETUL+ KATANYA.

DITANYA SAMA ADA KEMENANGAN TERSEBUT SUDAH MEMANG BELIAU JANGKAKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMANG MENJANGKA AKAN MENANG TETAPI TIDAK MERASAKAN KEMENANGAN TIPIS YANG DIPEROLEHINYA ITU SEBAGAI SATU +SETBACK+. -- LAGI.

0039MST 25 04 87

B B973 AAB
MAHATHIR - ULASAN 2 KUALA LUMPUR R R R R R R

+BUKANKAH MAJORITI ITU LEBIH DARIPADA SATU UNDI?+ TANYA BELIAU. BELIAU BERKATA PERKARA TERSEBUT TIDAK MEMBAWA SEBARANG AKIBAH KEPADA KEPIMPINANNYA.

MENGENAI KEMUNGKINAN BELIAU MEROMBAK KABINETNYA BERIKUTAN DENGAN PEMILIHAN KALI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA TERSEBUT +TIDAK TIMBUL SEKARANG.+

BAGAIMANAPUN BELIAU MUNGKIN MEMIKIRKANNYA PADA MASA HADAPAN, KATANYA.

DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MEMBUAT PERTEMUAN DENGAN KUMPULAN YANG MENENTANGNYA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MEMPUNYAI MASA YANG BANYAK UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

KATANYA, KALAU BELIAU INGIN MENGEMUKAKAN SEBARANG NASIHAT KEPADA KUMPULAN BERKENAAN, BELIAU AKAN HANYA BERBUAT DEMIKIAN SECARA PERIBADI. -- LAGI.

0046MST 25 04 87

B B979 AAB
MAHATHIR - ULASAN 3 KUALA LUMPUR R R R R R R

MENGULAS KEMENANGAN ENCIK GHAFAR, YANG JUGA DENGAN MAJORITI TIPIS KE ATAS DATUK MUSA HITAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +KAMI BERTINDAK SEBAGAI SATU PASUKAN.+

+SAYA MENJANGKA BELIAU (GHAFAR) AKAN TURUT MENANG,+ TEGASNYA.

DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MEMBALAS DENDAM SELEPAS PERSIDANGAN NANTI, BELIAU BERTANYA BALIK: +ADAKAH KAMI SEDANG MELAKUKAN TINDAKAN SEUMPAMA ITU SEKARANG?+

MENGENAI KEMUNGKINAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG MENCABARNYA BAGI JAWATAN PRESIDEN UMNO, AKAN DIGUGURKAN DARIPADA KABINET, BELIAU CUMA MENJAWAB +BERSABARLAH.+

TENTANG KEMENANGAN MENTERI PELAJARAN ENCIK ANWAR IBRAHIM, MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN MENTERI PERTAHANAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI SEBAGAI NAIB-NAIB PRESIDEN, PERDANA MENTERI BERKATA, ITU KEPUTUSAN PARA PERWAKILAN SENDIRI. -- BERNAMA.

0104MST 25 04 87